

# Tegas bererasas kebenaran—PM

BERN 21 SEP 1985  
Bercakap biarlah berlapis

---

Laporan: AHMAD A. TALIB,  
HANIFF HADI, NAZAR ABDUL,  
MANJA ISMAIL, MAHFAR ALI,  
AIRY LIM, SAODAH ELIAS,  
KARIM SULAIMAN, AZAMIE  
DESA dan ROSLAN ALI  
Gambar: LEE HON YEW,  
DAVID KHOO, RIDZWAN  
MOHAMAD, KHALED REDZA,  
SHUKOR RAHIM dan YAHYA  
YAAKUB

---

KUALA LUMPUR, Sabtu — Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata ketegasan amat penting dalam apa perkara yang diperkatakan sekiranya percakapan atau ucapan itu berasaskan kebenaran.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata kerana itulah ucapannya dikatakan selalu berterus terang dan kadangkala agak keras sedikit. Bagaimanapun, keras itu dibuat secara terancang dan bukan melulu.

kesan kalau seseorang hendak menegur sesiapa kerana mereka dengan mudah boleh berkata bahawa seseorang itu tidak mengotakan apa yang diperkatakannya.

"Dan kita berhenti di situ tanpa merujuk apa sebenarnya yang tidak dibuat oleh orang yang mengeluarkan percakapan itu. Sebenarnya bercakap memang mudah dan sebab itulah perhimpunan ini terhad kepada cakapan sahaja supaya mudah bagi kita semua," katanya.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, apa yang lebih teruk lagi ialah ada setengah-setengah orang yang berfikir bahawa apa yang mereka cakap orang lain mesti buat.

"Ini sukar saya lakukan kerana yang saya sanggup ialah membuat apa yang saya cakap," tegas Datuk Seri Dr Mahathir.

Menurut Presiden Umno, beliau mengamalkan pesanan Allahyarhamah ibunya bila membuat ucapan, iaitu setiap kali bercakap mesti berlapis.

## Hak orang lain

"Saya tidak berkata sesuatu yang akan mengikat saya hingga saya tidak dapat menjalankan apa yang dijanjikan. Sebab itu dalam ucapan, saya ti-

"Sebab itu kita harus berdiri tegak dan tegas dalam apa yang kita perkatakan kerana kita bercakap berasaskan kebenaran. Sikap tegas dan cakap ini tidak boleh dibuat secara pilih kasih.

"Sementara saya dikehendaki tegas kepada orang bukan Melayu di negara ini, saya disuruh tunduk kepada orang lain kerana mereka mempunyai kuasa.

"Ini tidak mungkin saya buat kerana setiap orang mempunyai resminya sendiri dan kalau kita hendak orang yang tegas, dia tegas selalulah. Kalau dia membawa akibat buruk, kita terpaksa mencari orang yang kurang tegas dan itu sahajalah cara kita mengatasi masalah yang akan berlaku," tegasnya.

Perdana Menteri berkata demikian sewaktu menggulung perbahasan di Perhimpunan Agung Umno Ke-37, di sini hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, satu daripada ungkapan yang banyak digunakan sepanjang perbahasan di perhimpunan kali ini ialah 'cakap tidak serupa bikin'.

Menurutnya, ungkapan itu amat ber-

dak berkata bahawa saya akan membuat sesuatu tanpa mengambil kira faktor-faktor lain.

"Umpamanya, saya kata kita tidak akan mengambil hak orang lain tetapi jangan sesiapa mengambil hak kita. Ini bermakna saya tidak berniat merampas hak orang lain.

"Tetapi setengah-setengah ahli yang berucap di perhimpunan ini menuntut supaya saya membuat beberapa perkara yang tidak mungkin saya lakukan. Itulah cakap mereka dan kalau nak dilakukan juga, merekalah yang mesti lakukan," tegasnya.

Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan: "Saya cuma setakat yang saya kata iaitu saya tidak akan mengambil hak orang lain. Tapi apa yang hak bagi kita, kita tidak akan serah pada sesiapa."

Perdana Menteri berkata, perkara yang menyedihkannya ialah ada perwakilan yang mendakwa punca masalah negara sekarang, terutama kejatuhan harga barangan ialah nada ucapan beliau.